

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 DISEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 3

RM2b naikkan gaji lebih sejuta pekerja

RM2b naikkan gaji lebih sejuta pekerja

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan RM2 bilion bagi melaksanakan dasar gaji progresif bagi meningkatkan gaji kira-kira 1.05 juta pekerja negara ini.

Pada tahun pertama pelaksanaan, cadangan had gaji ditetapkan untuk pekerja menerima gaji bulanan bawah RM5,000 dan tidak kurang daripada gaji minimum RM1,500.

Menerusi dasar ini kerajaan turut menjangka bakal memberi tamba-

Gaji progresif mulai
Jun tahun depan sasar
1,000 syarikat, pekerja
gaji bawah RM5,000

han kepada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM0.79 bilion, tambahan hasil cukai pendapatan RM1.8 bilion dan tambahan

37,529 pembayar cukai pendapatan baharu pada tahun pertama pelaksanaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, peruntukan dan jangkaan itu berdasarkan kepada beberapa simulasi dijalankan kementeriannya sebelum melaksanakan projek rintis mulai Jun tahun depan.

“Sebaik sahaja projek rintis dilaksana sehingga September 2024, kita akan ada maklumat lebih baik (dari segi) berapa penjimatan rasionalisasi (subsidi).

Bersambung di muka 3

RM2b naikkan gaji lebih sejuta pekerja

Dari muka 1

“Seterusnya konsolidasi fiskal negara dan kita akan berada dalam kedudukan lebih baik untuk kita putuskan beberapa banyak peruntukan diperlukan nanti.

“Tapi kita ada beberapa simulasi yang disediakan kepada kerajaan. Jika kita peruntukkan RM2 bilion setahun, ia akan meliputi 1.05 juta (pekerja). Dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) naik, kutipan cukai naik (tahun depan). Jika kita peruntuk RM3 bilion, sudah tentu angka itu (sesuai).

“Kita akan buat keputusan mengenai peruntukan apabila tiba masanya nanti. Kita perlu memastikan sistem dan proses dasar ini teratur,” kata beliau selepas pembentangan Kertas Putih Dasar Gaji Progresif di Dewan Rakyat semalam

Bagi peruntukan projek rintis dasar tersebut, Rafizi menjangkakan kos diperlukan tidak melebihi RM30 juta berdasarkan kepada bilangan pekerja dan kemampuan 1,000 syarikat yang terpilih.

“Kita perlu lihat berapa banyak kos bila pendaftaran (projek rintis) dibuka dan apabila 1,000 syarikat selesai dipilih nanti tapi berdasarkan pengiraan kasar, jika kita pilih 1,000



RAFIZI RAMLI

syarikat, mereka dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

“Mereka mungkin purata ada 50 pekerja, RM200 setiap bulan, jadi untuk 2024 ia memerlukan kos antara RM20 hingga RM30 juta dan peruntukan ini sudah disediakan oleh Kementerian Ekonomi. Jadi, kos tidak akan melebihi peruntukan RM30 juta,” katanya.

Dengan anggaran kos itu, beliau yakin dasar ini boleh dilaksanakan dan beliau memberi jaminan akan mendapatkan maklum balas sewajarnya bagi projek rintis tersebut.

Kertas putih dasar tersebut yang dibentangkan buat pertama kali di Parlimen menggariskan mekanisme meliputi tiga kriteria utama iaitu syarat

penyertaan, cadangan kenaikan gaji tahunan dan insentif mengikut kadar dan kumpulan pekerja.

Syarat penyertaan majikan mendaftar sebagai Majikan Gaji Progresif dirangka dengan memberi tumpuan kepada syarikat tempatan terutama PMKS kerana majoriti pekerja yang menerima gaji rendah pekerja PMKS.

Cadangan ini mengambil kira jumlah pekerja yang menerima gaji bulanan RM1,500 dan RM4,999 merangkumi 66.6 peratus atau empat juta pekerja dan had gaji yang ditetapkan dijangka mampu memberi liputan luas untuk pekerja swasta menerima manfaat daripada inisiatif ini. Panduan kenaikan gaji tahunan akan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif mengikut sektor ekonomi dan kategori pekerjaan serta meliputi cadangan penentuan gaji berdasarkan gaji pokok dan kenaikan gaji bagi setiap kategori pekerjaan.

Insentif berbentuk tunai akan disediakan mengikut kadar dan kumpulan pekerja pada peringkat permulaan (entry-level) dan peringkat bukan permulaan (non-entry level).

Bagi kumpulan peringkat permulaan, syarikat layak menerima kadar insentif pada

nilai tetap sehingga maksimum RM200 sebulan selama 12 bulan, sekiranya syarikat membayar gaji pada kadar yang sama atau melebihi cadangan panduan kenaikan gaji tahunan.

Bagi kumpulan pekerja bukan peringkat permulaan, syarikat layak menerima kadar insentif pada nilai tetap sehingga maksimum RM300 sebulan selama 12 bulan sekiranya syarikat memberi kadar kenaikan gaji tahunan berdasarkan panduan kenaikan gaji tahunan.

Bagi peruntukan dana, pelaksanaan inisiatif Dasar Gaji Progresif akan disediakan mengambil kira kemampuan kewangan dan insentif akan disalurkan berasaskan first come, first served, dengan mekanisme pembayaran akan diperhalusi untuk tidak membebankan syarikat bersaiz kecil, terutama PMKS.

Prestasi majikan yang menyertai dasar ini akan dinilai melalui sistem penarafan bintang, berdasarkan dua komponen, iaitu komponen asas dan komponen bonus dan dengan pemberian insentif sebanyak RM2 bilion, dasar ini dijangka memberi manfaat kepada 1.05 juta pekerja, dengan tambahan nilai keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak RM3.3 bilion.